


PERKEMBANGAN IDEA PEMBENTUKAN MALAYSIA



Idea Pegawai British



1

Tahun 1887

- Cadangan terawal dikemukakan oleh Lord Brassey, Pengarah Syarikat Berpiagam Borneo Utara di Dewan Parlimen Britain.
- Mencadangkan penggabungan Sarawak, Sabah, dengan negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat supaya menjadi tanah jajahan yang besar.
- Cadangan dikemukakan kerana beliau melihat potensi ekonomi melalui penggabungan wilayah ini.



Lord Brassey

2

Tahun 1951

- Setelah tamat Perang Dunia Kedua, Sir Malcolm MacDonald, Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara mencadangkan penggabungan semua tanah jajahan British di Asia Tenggara bagi membentuk satu entiti politik dan ekonomi.
- Bertujuan menyesuaikan dengan rancangan dekolonisasi.
- Pada tahun 1951, Sir Malcolm MacDonald mengadakan perbincangan dengan Dato' Onn Jaafar, pemimpin UMNO dan ahli Majlis Perundangan Persekutuan sebagai usaha menggabungkan Tanah Melayu, Singapura dan wilayah Borneo.



Sir Malcolm MacDonald

3

Tahun 1952

- Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu meminta penggabungan wilayah disegerakan bagi tujuan keselamatan.
- Pada Januari 1960, mesyuarat pegawai tinggi British di Borneo bersetuju dengan cadangan pertahanan dan keselamatan.



Sir Gerald Templer



4

Tahun 1960

- Sir Geofroy Tory, Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu mencadangkan penyatuan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu atas kepentingan ekonomi.
- Cadangan beliau mendapat sokongan Pejabat Kolonial.



Geofroy Tory

Idea Penduduk Tempatan



Tahun 1906

Majalah *Al-Imam* menggesa penyatuan raja dan orang Melayu dalam pendidikan dan pembangunan ekonomi di Alam Melayu.



Majalah Al-Imam

Tahun 1938

- Konsep Melayu Raya diperjuangkan oleh nasionalis Tanah Melayu.
- Antaranya Ibrahim Haji Yaakob, Harun Aminurrashid, Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad dan Dr. Burhanuddin al-Helmi sejak sebelum Perang Dunia Kedua.
- Idea mereka mahu menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia.
- Idea gagal apabila Presiden Soekarno mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia tanpa melibatkan Tanah Melayu pada tahun 1945.



Dr. Burhanuddin al-Helmi



Tunku Abdul Rahman

Tahun 1955

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dalam ucapannya di Persidangan Agong UMNO mencadangkan Singapura, Sarawak, Sabah dan Brunei menyertai Persekutuan Tanah Melayu.

Tahun 1958

Datu Mustapha Datu Harun, pemimpin Sabah dalam pertemuan dengan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj di Kuala Lumpur menyatakan minat untuk membawa Sabah bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu.



Datu Mustapha Datu Harun

Tahun 1960

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj memaklumi Lord Perth bahawa beliau berminat untuk bergabung dengan Sarawak, Sabah, Brunei dan Singapura.